

LAMPIRAN G

A. SYARAT – SYARAT JABATAN TEKNIKAL DALAMAN MBSP YANG PERLU DIPATUHI / DICATATKAN DI ATAS PELAN

JABATAN PELESENAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SYARAT PELESENAN BAGI AKTIVITI PREMIS PENGINAPAN / ASRAMA PEKERJA

SYARAT-SYARAT AM :

1. Lesen perniagaan hendaklah sentiasa dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
2. Memperbaharui lesen sebelum tamat tempoh sah laku lesen.
3. Lesen tidak boleh ditukar milik kepada individu/syarikat lain tanpa kelulusan Majlis.
4. Memastikan kemudahan tandas dalam keadaan baik dan bersih.
5. Dilarang penggunaan polisterin untuk penyediaan / pembungkusan / penghidangan makanan / minuman.
6. Memastikan sistem perparitan dan saliran berfungsi dengan sempurna di kawasan premis.
7. Tidak menutup longkang / parit atau membuat sebarang binaan yang menutup longkang tanpa kelulusan MBSP.
8. Menguruskan sisa air/ sisa buangan/ sisa pepejal/ sampah domestik secara berjadual dan mengikut syarat yang ditetapkan.
9. Dilarang meletakkan sebarang benda atau peralatan perniagaan di laluan awam dan kaki lima tanpa mendapat kelulusan MBSP.
10. Dilarang menghalang jalan-jalan sisi/lorong belakang dan tepi jalan.
11. Dilarang menghalang pintu masuk/pintu keluar, membuat apa-apa binaan di luar atau dalam premis asal kecuali dengan kelulusan MBSP.
12. Memastikan premis perniagaan mempunyai kelulusan Pelan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan yang sah daripada MBSP kecuali bagi lesen premis dan iklan yang diluluskan mengikut garis panduan MBSP tertentu.
13. Memastikan sebarang ubahsuai mendapat kebenaran bertulis daripada MBSP sebelum ianya dilaksanakan.
14. Bagi premis yang mendapat status kelulusan struktur sementara, pemilik premis / penyewa perlu memperbaharui permit sementara bangunan sebelum memperbaharui lesen perniagaan.
15. Larangan penjualan tiket loteri/perjudian di premis selain di premis yang dibenarkan sahaja.

16. Hanya menjalankan aktiviti perniagaan yang dilesenkan sahaja. Jika terdapat sebarang tambahan / pengurangan aktiviti perniagaan atau papan iklan berkaitan perniagaan, perlu mengemukakan permohonan pindaan butiran lesen perniagaan di MBSP.
17. Tidak dibenarkan mengambil pekerja warganegara asing yang tidak mempunyai visa kerja daripada Jabatan Imigresen Malaysia yang sah selaras dengan peruntukan di bawah Akta Imigresen 1959 / 63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963.
18. Pemilik perniagaan hendaklah menyediakan salinan dokumen visa kerja yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen Malaysia dan memastikan salinan dokumen tersebut berada di premis perniagaan untuk pemeriksaan pegawai penguatkuasa MBSP.
19. Dilarang menjalankan aktiviti jualan barangan seludup/tiruan atau apa-apa barangan yang menyalahi Undang-Undang Kerajaan Malaysia.
20. Dilarang membekalkan beg plastik secara percuma atau dengan bayaran pada setiap hari ISNIN, SELASA dan RABU sempena Kempen Hari Tanpa Beg Plastik Negeri Pulau Pinang (No Plastic Bag Day).
21. Tidak dibenarkan memberi beg plastik secara percuma kepada pelanggan pada setiap Hari KHAMIS, JUMAAT, SABTU dan AHAD. Caj sebanyak RM 1.00 perlu bagi setiap helaian beg plastik perlu dikenakan.
22. Kutipan caj beg plastik perlu diserahkan kepada MBSP pada setiap bulan atau dua bulan sekali atau tiga bulan sekali sebelum 15 hari bulan.
23. Tidak dibenarkan menyediakan penyedut minuman plastik secara langsung kepada pelanggan kecuali kepada warga emas, OKU dan kanak-kanak berusia 3 tahun dan ke bawah.
24. Tidak dibenarkan meletakkan penyedut minuman plastik secara terbuka dan mudah dicapai oleh pelanggan.
27. Menyediakan papan iklan yang selaras dengan spesifikasi papan iklan mengikut Garis Panduan Pemasangan Papan Iklan Perniagaan Di Seberang Perai.
28. Mematuhi semua garis panduan yang disediakan oleh MBSP.
29. Bahasa Melayu hendaklah digunakan bagi semua iklan dan perlu lebih besar sama ada ianya sahaja atau bersama dengan apa-apa bahasa lain.
30. Jika perniagaan bukan didaftarkan dalam Bahasa Kebangsaan ia tidak perlu diterjemahkan di dalam Bahasa Kebangsaan. Walau bagaimanapun, iklan tersebut hendaklah menyatakan aktivitinya di dalam Bahasa Kebangsaan.
31. Premis hendaklah dicat semula di luar dan di dalam sekiranya keadaan cat telah luntur / pudar.
32. Sediakan peti ubat yang dilengkapi dengan ubat-ubatan dan pastikan tidak tamat tempoh.
33. Semua barang-barang yang tidak berguna ditegah dilonggok di merata tempat tetapi hendaklah disusun dengan teratur atau dibuang

34. Hendaklah disediakan tong sampah bersaiz yang mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Majlis, bertudung dan mencukupi mengikut keperluan perniagaan yang dijalankan.
35. Menyediakan dua (2) bekas yang berasingan untuk mengasingkan sampah yang boleh dikitar semula dan sampah biasa dan mengamalkan Pengasingan Sisa Di Punca.
36. Menyediakan sekurang-kurangnya satu (1) unit 9kg Pemadam Api Jenis Serbuk Kering ABC.
37. Alat pemadam api tuan hendaklah dihantar ke Jabatan Bomba tiap-tiap tahun untuk diuji dan dipastikan tidak tamat tempoh.
38. Semua alat pemadam api hendaklah digantung pada dinding satu (1) meter dari paras lantai berdekatan jalan-jalan keluar supaya mudah dilihat dan senang dicapai.
39. Lesen perniagaan hendaklah diperbaharui sebelum tarikh tamat lesen mengikut kadar bayaran yang ditetapkan oleh MBSP.
40. Tidak melanggar mana-mana akta, undang-undang atau apa-apa peraturan yang dikuatkuasakan oleh Kerajaan Malaysia.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN:

1. Tertakluk kepada syarat tambahan yang ditetapkan oleh MBSP dari semasa ke semasa.

PK - PL/PEL Lamp. 15
Keluaran 1 (15.06.2021)

**JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

**SYARAT-SYARAT UMUM BAGI TUJUAN PENYEDIAAN PENGINAPAN
PEKERJA UNTUK TEMPOH SEMENTARA .**

1. Memastikan tiada kacauganggu yang timbul disebabkan oleh penginapan sementara ni.
2. Memastikan pekerja tidak melakukan perkara yang mengakibatkan gangguan bunyi bising.

Lampiran G
Keluaran 1 (01.07.2021)

3. Memastikan pekerja tidak melakukan kegiatan kacau ganggu sosial yang boleh menggugat ketenteraman awam di kawasan penempatan sementara (seperti melepak, minum minuman keras dan sebagainya)
4. Memastikan pekerja tidak mandi di kawasan luar bangunan atau kawasan yang ditetapkan
5. Menyediakan kemudahan bagi memastikan kebersihan persekitaran terpelihara (spt. Tempat ampaian baju yang sesuai, tempat mandi dsb.)
6. Majikan perlu menetapkan dan menguatkuasakan prosedur operasi standard (SOP) dalam aspek pencegahan penyakit berjangkit dan memastikan semua pekerja patuh pada SOP tersebut.

**JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

BIL	JENIS TONG	BIL PEKERJA
1	120 Liter	0-6 Orang
2	240 Liter	7-12 Orang
3	600 Liter	13-30 Orang
4	1100 Liter	31-50 Orang
5	Ro Ro	51-200 Orang

**SYARAT-SYARAT UMUM BAGI TUJUAN PENYEDIAAN PENGINAPAN PEKERJA UNTUK
TEMPOH SEMENTARA**

1. Pengusaha dikehendaki menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi di premis penginapan. Semua sampah sarap hendaklah dimasukkan ke dalam karung plastik atau lain-lain bekas yang sesuai sebelum dimasukkan ke dalam tong sampah.
2. Penyediaan jenis tong sampah adalah mengikut kapasiti jumlah pekerja seperti jadual di bawah :-

3. Pemohon perlu melantik kontraktor bagi tujuan pengurusan pembuangan sampah secara terus ke tapak Pembuangan Sisa Pepejal Pulau Burung dan menanggung apa-apa kos sendiri bagi :-
 - Semua jenis permohonan melibatkan zon atau bangunan industri atau
 - Bangunan perniagaan tunggal (A Standalone Buildings) atau
 - Semua jenis permohonan melibatkan penggunaan tong melebihi 600 Liter ke atas. atau
 - (tertakluk kepada keperluan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran).

4. Sebarang pertanyaan dan makluman sila hubungi Jabatan Perhidmatan Perbandaran MBSP (04-5497650)

B SYARAT - SYARAT GARIS PANDUAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA BAGI TUJUAN PENGINAPAN PEKERJA UNTUK TEMPOH SEMENTARA DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

1.0 REKA BENTUK BANGUNAN

- 1.1 Bangunan perniagaan sedia ada telah mempunyai Sijil Layak Menduduki (OC) atau Sijil Penyiapan dan Pematuhan (CCC).
- 1.2 Saiz ruang lantai minima adalah 800 kaki persegi / unit atau 74.32 meter persegi / unit.
- 1.3 Tiada Pengubahsuaian dalaman dibenarkan dengan syarat mendapat kelulusan daripada MBSP terlebih dahulu.

- 1.4 Majikan dikehendaki untuk menetapkan samada penginapan pekerja berkonsepkan domitori atau pangsapuri bagi menentukan kemudahan yang perlu disediakan.
- 1.5 Majikan perlu memastikan sentiasa mematuhi kehendak kebombaian dan memastikan kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik

1.0 PANDUAN PENYEDIAAN RUANG PENGINAPAN PEKERJA

- 1.1 Majikan perlu mematuhi dan memastikan setiap penginapan pekerja mengikut keperluan Akta 446 dan peraturan-peraturan di bawahnya. Ini bagi memastikan kawalan dalaman dan penyediaan keperluan asas setiap pekerja adalah teratur seperti yang dinyatakan dalam jadual 1 di bawah;-

Jadual 1

Perkara	Keperluan Minima	
	Konsep Dormitori	Konsep Pangsapuri
Ruang Tidur	3.0 m ² setiap pekerja	3.6 m ² setiap pekerja
Tandas	1 tandas : 15 pekerja	1 tandas : 6 pekerja
Kemudahan Asas Yang Tidak Boleh Dikongsi	<ul style="list-style-type: none"> • Katil bujang tidak kurang 1.7m² / Katil jenis 2 tingkat dengan jarak ruang 0.7m² ; • Tilam tidak kurang 4 inci (10.2 cm) tebal; • Bantal; • Selimut; dan • Almari berkunci bersaiz tidak kurang daripada 0.35m panjang x 0.35m lebar x 0.9m tinggi. 	
Bekalan Air Dan Elektrik	Memastikan terdapatnya bekalan air dan elektrik dalam penginapan pekerja	
Kemudahan Asas Yang Lain	<ul style="list-style-type: none"> • Satu ruang rehat; • Satu ruang makan dengan kerusi dan meja, satu ruang dapur; • Kipas bagi setiap ruang rehat, makan dan bilik tidur; • Lampu bagi setiap ruang rehat, ruang makan, bilik tidur, ruang dapur, bilik air dan 	

	<p>tandas;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Ruang menyidai pakaian; • Satu alat pertolongan cemas; • Tong sampah.
--	--

Nota: Dikuatkuasakan oleh Jabatan Tenaga Kerja (sumber Akta 446)

2.0 SIRKULASI / TEMPAT LETAK KENDERAAN

- 2.1 Pemilikan kenderaan bermotor adalah tidak dibenarkan kepada penghuni penginapan sementara dan mereka hanya dibenarkan menunggang basikal.
- 2.2 Tempat letak basikal perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai dan tidak menimbulkan kesesakkan dan kacau ganggu
- 2.3 Ruang menunggu kenderaan (shuttle) perlu ditempatkan di lokasi yang sesuai di kawasan penginapan sementara.
- 2.4 Semua ruang tangga termasuk tangga kecemasan hendaklah pada setiap masa mempunyai pencahayaan, pengudaraan yang baik dan tangga-tangga dipasang pemegang.(mengikut keperluan)
- 2.5 Kelengkapan memadam kebakaran yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- 2.6 Semua tangga, laluan, pelantar dan jalan keluar yang mencukupi disediakan, diselenggara dan berfungsi dengan baik.
- 2.7 Pemasangan CCTV (close circuit televison) dalam kawasan dan bangunan penginapan digalakkan disediakan di tempat-tempat strategik.

- 2.8 Semua pekerja perniagaan terutamanya melibatkan pekerja warga asing perlu menjalani tapisan keselamatan oleh pihak-pihak yang ditetapkan oleh kerajaan.
- 2.9 Semua maklumat setiap pekerja terutamanya pekerja warga asing yang akan ditempatkan di penginapan pekerja hendaklah disalinkan oleh majikan kepada Jabatan Imigresen, Majlis Keselamatan Negara, Polis dan pihak pengurusan.

3.0 ASPEK KEBERSIHAN DAN KESIHATAN

- 3.1 Kawasan persekitaran penginapan sementara ini hendaklah diuruskan dengan baik oleh pihak majikan dan pengurusan.
- 3.2 Pihak pengurusan perlu menyelaras dan menguruskan pelupusan sampah serta sisa pepejal lain.
- 3.3 Pengusaha dikehendaki menyediakan tong sampah dan tong kitar semula yang mencukupi di premis penginapan. (tertakluk kepada keperluan Jabatan Perkhidmatan Perbandaran).
- 3.4 Pemeriksaan kesihatan adalah diwajibkan bagi setiap penghuni bagi mengesan penyakit berjangkit di peringkat awal. Warga asing yang menghidap penyakit berjangkit mesti dihantar pulang ke negara asal dengan segera.
- 3.5 Kemudahan rawatan dan kesihatan hendaklah dikendalikan oleh anggota yang bertauliah. Bilik sakit (sick bay) disediakan bagi pengasingan mereka yang sakit.
- 3.6 Pemohon perlu memastikan premis yang diduduki tidak sesak mengikut Akta Kerajaan Tempatan 171 (Seksyen 78 dan 79) serta menghapuskan sebarang kacaugangu serta isu kebersihan yang timbul dalam permohonan ini

4.0 KAWALAN AKTIVITI

- 4.1 Pihak pengusaha hendaklah memastikan pengasingan unit dengan mengambilkira jantina, negara asal, agama yang dianuti untuk mengelakkan sebarang perbalahan atau pergaduhan sesama mereka.
- 4.2 Penghuni penginapan sementara tidak dibenarkan untuk memelihara haiwan peliharaan, meminum minuman keras, melakukan aktiviti pelacuran, perjudian dan aktiviti selain penginapan serta menimbulkan kacau ganggu kepada jiran bersebelahan.
- 4.3 Memasak hanya dibenarkan di tempat yang disediakan dan tidak dibenarkan memasak di dalam bilik penginapan dan lain-lain tempat. Sekiranya tidak disediakan tempat memasak, pihak majikan hendaklah membekalkan makanan siap dimasak kepada pekerja.

6.0 RUJUKAN GARIS PANDUAN (YANG BERKAITAN)

- 6.1 GARIS PANDUAN BANGUNAN PERNIAGAAN SEDIA ADA BAGI TUJUAN PENGINAPAN PEKERJA UNTUK TEMPOH SEMENTARA DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI
- 6.2 GARIS PANDUAN PERANCANGAN TUKARGUNA BANGUNAN INDUSTRI BAGI TUJUAN PENGINAPAN PEKERJA UNTUK TEMPOH SEMENTARA DI KAWASAN MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI